



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

14 MEI 2024

1/3

TUJUAN

- Laporan ringkas ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai status semasa cuaca panas, kesan serta tindakan-tindakan yang telah diambil.

RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 20 MEI 2024)

- Fasa peralihan monsun telah bermula pada 29 Mac 2024 dan berterusan sehingga Mei 2024. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut 2023/24 yang telah bermula sejak 11 November 2023.
- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima tiupan angin timuran pada awal hingga pertengahan tempoh ramalan. Angin baratan dijangka mulai memasuki rantau negara sekitar 16 Mei 2024. Palung Khatulistiwa yang merentasi tengah Semenanjung Malaysia hingga tengah Sarawak dijangka mula teranjak ke utara mulai pertengahan tempoh ramalan.
- Ribut petir dijangka berlaku pada waktu petang dan malam terutamanya di kawasan pedalaman dan barat Semenanjung Malaysia pada awal tempoh ramalan dan di pantai timur Semenanjung Malaysia pada penghujung tempoh ramalan. Angin baratan di Semenanjung Malaysia dijangka berpotensi menyebabkan pembentukan garis badai pada awal pagi dan boleh membawa hujan di kawasan persisiran pantai barat Semenanjung Malaysia.
- Terdapat penumpuan angin di Sarawak dalam tempoh ramalan yang dijangka boleh meningkatkan kelembapan di kawasan tersebut.
- Cuaca panas dengan suhu melebihi 35°C dijangka berlaku di beberapa tempat di pantai timur Semenanjung Malaysia dan Sabah pada awal tempoh ramalan.


Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia

STATUS CUACA PANAS

- Pada **13 Mei 2024**, daerah **Gua Musang, Kelantan** mencatatkan cuaca panas tahap 2 (gelombang haba) dengan suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut.
- Pada **11 Mei 2024**, terdapat **1 daerah di Semenanjung** dan **3 daerah di Sabah** mencatatkan cuaca panas tahap 1 (berjaga-jaga) dengan suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut, manakala terdapat **2 daerah di Semenanjung** dan **3 daerah di Sabah** mencatatkan cuaca panas tahap 1 pada **12 Mei 2024**. Pada **13 Mei 2024**, terdapat **10 daerah di Semenanjung** dan **4 daerah di Sabah** mencatatkan cuaca panas tahap 1.

- Untuk rujukan, tahap 1 (berjaga-jaga: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), tahap 2 (gelombang haba: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan tahap 3 (gelombang haba ekstrem: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia



STORAN EMPANGAN

- Sehingga **13 Mei 2024**, hanya terdapat **satu (1) empangan** yang masih menunjukkan penyusutan baki stok simpanan semasa air mentah dan berada pada paras BAHAYA, iaitu **Empangan Malut di Kedah (22.10 peratus)**.
- Manakala **enam (6) empangan** lain menunjukkan baki stok simpanan semasa air mentah berada pada paras AMARAN, iaitu:
 - Empangan Muda di Kedah (32.70 peratus);**
 - Empangan BS Padang Saga di Kedah (43.70 peratus);**
 - Empangan Air Hitam di Pulau Pinang (44.40 peratus);**
 - Empangan Timah Tasoh di Perlis (48.18 peratus);**
 - Empangan Sembrong Barat di Johor (49.13 peratus);** dan
 - Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang (52.70 peratus).**
- Untuk rujukan, baki storan **29.99 peratus dan ke bawah (BAHAYA)**, **30 peratus hingga 59.99 peratus (AMARAN)** serta **60 peratus dan ke atas (NORMAL)**.

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Pada **6 Mei 2024**, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengeluarkan hebahan ramalan kemarau bagi **dua (2) lembangan sungai**, iaitu **Lembangan Sungai Kelantan** dan **Lembangan Sungai Muda, Kedah**.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

14 MEI 2024

2/3



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Pada **7 Mei sehingga 13 Mei 2024**, terdapat **tiga (3)** kawasan yang merekodkan kualiti udara yang tidak sihat dengan bacaan API seperti berikut:

- ✓ Pahang (Rompin) – 116
- ✓ Kelantan (Tanah Merah) – 128
- ✓ W.P Kuala Lumpur (Cheras) – 134

- Untuk rujukan, bacaan API 0-50 (baik), 51-100 (sederhana), 101-200 (tidak sihat), 201-300 (amat tidak sihat) dan melebihi 300 (merbahaya).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pemantauan sehingga **13 Mei 2024** mendapati jumlah kes kumulatif bagi penyakit berkaitan cuaca panas **meningkat kepada 81 kes (berbanding 76 kes pada 6 Mei 2024)** dengan pecahan kes mengikut diagnosis adalah **17 kes strok haba, 62 kes kelesuan haba dan dua (2) kes kejang haba**.
- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 16 kes di Kedah, 12 kes di Johor, 12 kes di Pahang, 10 kes di Terengganu, lapan (8) kes di Perak, lapan (8) kes di Selangor, lima (5) kes di Negeri Sembilan, lima (5) kes di Sabah, dua (2) kes di Perlis, dua (2) kes di Kelantan dan satu (1) kes di Pulau Pinang. Pecahan kes mengikut umur adalah 63 dewasa, 14 remaja, dua (2) warga emas dan dua (2) kanak-kanak.
- Tiada kes kematian terbaru dilaporkan pada minggu ini. Kes kematian akibat strok haba **kekalkan tiga (3) kes** yang melibatkan seorang lelaki dewasa berusia 22 tahun pada **2 Februari 2024** di Pahang, seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga (3) tahun pada **1 April 2024** di Kelantan dan seorang lelaki dewasa berusia 25 tahun pada **22 April 2024** di Negeri Sembilan.
- Terdapat satu (1) kes strok haba yang masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan satu (1) kes strok haba yang masih dirawat di wad biasa hospital. Kes-kes lain telah mendapat rawatan dan sembuh.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pelbagai agensi pada **15 Februari 2024** bagi memperkasakan kesiapsiagaan untuk menangani impak fenomena cuaca panas dan kering semasa peralihan Monsun Timur Laut (MTL).
- **Operasi Pembenihan Awan (OPA) telah dilaksanakan** pada **27- 28 Februari 2024** berdasarkan permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyasarkan kawasan sekitar Empangan Teluk Bahang dan Air Itam di Pulau Pinang dan Empangan Bukit Merah di Perak.
- OPA di kawasan yang terjejas akibat kemarau di Sabah telah dilaksanakan pada **28 sehingga 30 Mac 2024** dengan kerjasama NADMA, Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). OPA di Sabah ini merupakan langkah untuk mengurangkan kesan kemarau dan juga kekurangan air melibatkan beberapa kawasan di **Papar, Lahad Datu dan Tawau**. OPA akan diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan memberi tumpuan terhadap lebih **652 kawasan titik panas** kebakaran di seluruh negara susulan fasa akhir Monsun Timur Laut. Selangor, Johor dan Sarawak merupakan antara negeri tertinggi yang direkodkan berlaku pengulangan insiden melibatkan kebakaran kategori lalang, kebun, hutan dan pelupusan sampah.
- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** pada **19 Mac 2024** telah meminta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan semua institusi pendidikan bawah KPM untuk melaksanakan langkah-langkah seperti berikut :
 - i. menangguhkan semua aktiviti luar bilik darjah jika cuaca terlalu panas;
 - ii. memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas;
 - iii. memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan bawah KPM dan menggalakkan murid membawa air minuman sendiri bagi yang tidak berpuasa/murid bukan Islam;



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

14 MEI 2024

3/3

- iv. menasihati dan menggalakkan murid mengambil air minuman dalam kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan;
- v. membekalkan air minuman kepada murid asrama sekiranya keadaan kritikal dan tiada sumber lain bagi mendapatkan air minuman; dan
- vi. sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat cuaca panas.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

Tips Sewaktu Musim Panas:

- ✓ Minum air mencukupi.
- ✓ Hadkan aktiviti luar.
- ✓ Pakai pakaian yang selesa, sesuai dan mudah menyerap peluh.
- ✓ Elakkan pembakaran terbuka.
- ✓ Menyimpan bekalan air secukupnya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari

<https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>